

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL  
RAHMAN [ MUAR ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [ MUAR ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyatakan bilakah Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID- 19) 2020 akan diwartakan. Adakah pihak Kerajaan akan mempercepatkan proses ini supaya RUU ini dapat dikuatkuasakan dengan segera.

**JAWAPAN**

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Rang Undang-Undang Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 telah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 16 Oktober 2020 selaras dengan Perkara 66 Perlembagaan Persekutuan. Seterusnya Rang Undang-Undang ini telah diwartakan pada 23 Oktober 2020 sebagai Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 [Akta 829]. Akta ini akan berkuat kuasa selama 2 tahun dari tarikh pewartaan pada 23 Oktober 2020 atau sebagaimana tarikh permulaan kuat kuasa yang telah diperuntukkan di mana-mana Bahagian-Bahagian berkaitan dalam Akta ini. Sekian, terima kasih.